

Perbadanan Labuan penyelararas Program Pengurangan Risiko Daerah

LABUAN: Perbadanan Labuan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan bertindak sebagai agensi peneraju untuk menyelararas inisiatif Program Pengurangan Risiko Daerah (DRRP) COVID-19 Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman berkata, agensi ini turut mendapat kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Labuan dan dibantu beberapa agensi jabatan kerajaan berkaitan.

Dr Fary berkata, Perbadanan Labuan akan mengaktifkan jentera melibatkan Unit Kesihatan, Unit Penguatkuasaan, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Majlis Pengurusan Masyarakat Desa.

“Program yang sedang kami gerakkan adalah amat penting dalam memastikan Wilayah Persekutuan Labuan mengekalkan status Zon Hijau daripada penularan COVID-19,” katanya.

Pada majlis itu, Dr Fary menyerahkan bantuan ehsan Perbadanan Labuan kepada ketua keluarga mangsa kebakaran di Kampung Lajau dan Taman Mutiara di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut menerima bantuan yang sama ialah mangsa ben-

cana rumah roboh akibat dihempap pokok tumbang di Jalan Penghulu Tuah Kampung Durian Tunjong.

Dr. Fary berkata, Labuan sebagai pulau bebas cukai, pusat kewangan antara-bangsa serta hab minyak dan gas masih terdedah kepada jangkitan COVID-19 susulan pengaliran masuk dan keluar kru asing serta ekspatriat.

Justeru itu, peranan berkeenaan menuntut peningkatan tanggungjawab masyarakat, terutama pemimpin masyarakat termasuk ketua kampung, bagi memastikan bahawa semua anggota masyarakat mereka mematuhi normal baharu dan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Katanya, terdapat empat prinsip dalam norma baharu SOP iaitu kawalan sempadan, sekatan pergerakan, penjarakan sosial dan perlindungan diri.

“Konsep Mencegah dan Mendidik, Mempraktikkan, Mematuhi dan Memantau (CAPP) bagi mendidik masyarakat agar lebih bertanggungjawab serta membolehkan mereka menjadi petugas barisan hadapan dalam melindungi diri mereka, keluarga masing-masing dan komuniti tempatan daripada COVID-19,” katanya.

sumbangan RM300 kepada pesakit yang kurang berkemampuan dari kawasan luar bandar untuk mendapatkan rawatan di hospital kerajaan.

Beliau menjelaskan demikian selepas membuat kunjungan hormat terhadap isteri Yang Dipertua Negeri Toh Puan Norlidah R.M Jasni yang juga penaung PSPKP di Istana Negeri, kelmarin.

Dalam pada itu, beliau berharap agar orang ramai lebih

peka dan melakukan pengeksanan awal kanser payudara agar rawatan sepatutnya dapat dijalankan.

PSKPK yang dikenali sebagai Kinabalu Pink Ribbon (KPR) kini mempunyai 500 ahli dan objektif utamanya adalah untuk meningkatkan kesedaran, mendidik mengenai kesihatan payudara serta memberi sokongan moral kepada pesakit untuk menjalani rawatan dan memenuhi kebajikan pesakit. — Penerangan



BANTUAN IHSAN: Dr Fary menyampaikan bantuan wang ihsan Perbadanan Labuan kepada mangsa bencana rumah terbakar sambil diperhatikan Timbalannya Ibrahim Tambi (kiri).